


# UMS perkukuh kaedah pengajaran dan pembelajaran hadapi tempoh PKP

UB 15.4.2020 6

**KOTAKINABALU:** Aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) khususnya turut terkesan ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan kerajaan disebabkan oleh krisis pandemik COVID-19, yang mendorong universiti melaksanakan perubahan dari sistem kuliah bersemuka kepada sistem atas talian.

Justeru, Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Kualiti Akademik (PKPKA) dan Pusat e-Pembelajaran (PeP) telah mengambil inisiatif melaksanakan satu e-Forum mengenai Penilaian Alternatif Atas Talian menerusi aplikasi Google Meet bagi membincangkan pelbagai isu PdP atas talian dalam memastikan aktiviti PdP berjalan lancar sepanjang PKP dilaksanakan.

Pengarah PKPKA, Prof Dr Vincent Pang dan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Dr Denis



VINCENT

Andrew D. Lajium bertindak sebagai ahli panel e-Forum yang melibatkan seramai 110 ahli akademik pelbagai fakulti.

Menurut Prof. Dr. Vincent Pang, berdasarkan situasi semasa, berkemungkinan Semester 2 2019/2020 UMS hanya akan bersambung semula pada 9 Jun dengan mengambil kira ketidaktentuan kelangsungan penguatkuasaan PKP dan beberapa faktor lain di Sabah.

Justeru katanya, dalam tempoh PKP ini, para pensyarah dibenarkan memuat

turun bahan-bahan pengajaran mereka melalui sistem pengurusan pembelajaran UMS (SMARTV3) untuk diakses oleh pelajar.

“Pentaksiran dalam aktiviti PdP yang telah dirancang sebelum ini hendaklah diubahsuai mengikut tempoh PKP, dengan menggantikan pentaksiran konvensional dengan pentaksiran alternatif.

“Mengambil kira bahawa peralihan kepada kaedah pentaksiran dalam suatu kursus adalah sesuatu yang mencabar kepada para pensyarah dan juga para pelajar maka konsep pentaksiran perlu diperjelaskan bagi memastikan kelancaran peralihan kaedah pentaksiran yang berlaku,” katanya.

Prof. Dr. Vincent Pang turut menjelaskan terdapat pelbagai kaedah menjalankan penilaian dalam talian, sama ada secara segerak (synchronous) atau tidak segerak (asynchronous).

“Kaedah pentaksiran segerak boleh dilaksanakan

termasuklah perbincangan secara langsung dalam talian, peperiksaan lisan, dan persembahan secara langsung melalui Google Meet atau Microsoft Team atau Webex., dan bagi ujian dalam talian pula boleh dilakukan melalui Kahoot, Borang Google atau Quizizz.

“Manakala penilaian tidak segerak yang tidak memerlukan pelajar berada dalam talian pada masa yang sama, membolehkan pelajar mengemukakan tugas penilaiannya melalui sistem pengurusan pembelajaran seperti SMARTV3, Google Classroom dan Edmodo atau menyampaikan karya mereka dengan memuat naik video ke YouTube,” katanya.

Beliau turut berpendapat aplikasi dalam talian bakal terus menjadi kaedah yang sangat penting dalam melaksanakan pentaksiran alternatif bukan sahaja dalam tempoh PKP ini tetapi juga pada masa hadapan selaras dengan era digital masa kini.